

06 OCT 1999

Mahathir-Bank

JUMLAH ENAM BANK UTAMA MUNGKIN DIKAJI SEMULA

KUALA LUMPUR, 6 Okt (Bernama) -- Kerajaan tidak menolak kemungkinan mengkaji semula bilangan kumpulan bank utama, yang kini berjumlah enam, jika bank-bank berkenaan boleh mengemukakan alasan yang jelas bahawa mereka menghadapi masalah dengan proses penggabungan yang dicadangkan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Penetapan bilangan bank pada enam buah itu merupakan jumlah yang arbitrari dan tidak ada sebab yang logik baginya, kata beliau pada persidangan berita di lapangan terbang Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Subang sekembalinya dari Zimbabwe.

Angka itu ditetapkan hanya kerana kerajaan rasa bilangan yang sepatutnya ialah enam, kata beliau.

Perdana Menteri telah menghadiri Dialog Antarabangsa Selatan Afrika kali ketiga di Victoria Falls, Zimbabwe dan sebelum itu telah berucap pada Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di New York.

Dr Mahathir berkata terdapat banyak aduan mengenai bank-bank yang menghadapi masalah dengan proses penggabungan.

Apabila ditanya mengenai langkah seterusnya, Dr Mahathir berkata: "Terserahlah kepada bank-bank itu. Jika mereka rasa tidak mungkin dapat mencapai enam, mereka kenalah beri alasan yang jelas. Tetapi apa yang kita tidak mahu lihat ialah kewujudan sebegitu banyak bank kecil dengan beberapa cawangan sahaja di negara ini."

Penggabungan yang dicadangkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) itu akan menyaksikan industri perbankan di negara ini yang terdiri daripada 58 institusi kewangan digemblengkan ke dalam enam kumpulan utama dengan diketuai oleh Malayan Banking, Multi-Purpose Bank, Bumiputra Commerce Bank, Perwira Affin Bank, Public Bank dan Southern Bank.

Bagaimanapun ada spekulasi bahawa Arab-Malaysian Bank dan Hong Leong mahu keluar daripada susunan penggabungan yang dicadangkan ke dalam enam kumpulan bank utama itu.

Proses penggabungan itu meliputi 21 bank komersial, 25 syarikat kewangan dan 12 bank saudagar.

Semua institusi kewangan telah menepati tarikh akhir 30 Sept yang ditetapkan bagi menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan bank utama untuk penggabungan itu.

Berikutnya mereka perlu menyelesaikan tugas penelitian butiran menjelang 15 Nov, diikuti dengan menandatangani perjanjian jual-beli menjelang 31 Dis sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank Negara.

Menjelang 28 Feb tahun depan, mereka seharusnya sudah mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa yang berkenaan dan daripada pemegang saham, dan seterusnya memulakan operasi sebagai entiti yang digabungkan pada 1 April.

-- BERNAMA

MOT MR SHY NMO